

# Melakar Jejak

## Biografi MOHD YUSOF NOOR

Salleh Hj Yusof
Hariza Mohd Yusof

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

بسم الله الرحمن الرحيم

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ
وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا
وَآثَارَهُمْ ۚ
وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي
إِمَامٍ مُّبِينٍ

*"Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan. Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata."*

*[Surah Yassin ayat ke-12]*



Di Mekah – 1988

# Melakar Tejak



SUMBANGAN

# Melakar Jejak

## Biografi
## MOHD YUSOF NOOR

**Salleh Hj Yusof**
**Hariza Mohd Yusof**

Cetakan Pertama 2009

© Hak cipta Universiti Sains Islam Malaysia 2009

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7988226/6081 Faks: 06-7986083
www.usim.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh
Ampang Press Sdn. Bhd.
6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur
e-mel: ampress@streamyx.com

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS
WITH BEST COMPLIMENTS
FROM PENERBITAN USIM
DATE 13/04/10
ACC. NO

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Salleh Hj Yusof
Melakar jejak : biografi Mohd Yusof Noor / Salleh Hj Yusof, Hariza Mohd Yusof.
Mengandungi indeks
Bibliografi: ms. 141
ISBN 978-967-5295-12-6
1. Mohd Yusof Noor, Tan Sri, 1941-. 2. Finance ministers--Malaysia--Biography.
3. Politicians--Malaysia--Biography. 4. Executives--Malaysia--Biography.
I. Hariza Mohd Yusof. II. Judul.
923.2595



# Kandungan


Bakti Yang Murni Tetap Disanjung

Jasa Disanjung, Budi Dijunjung

Menjejak Rasa Nan Tinggi

Seulas Pinang Pembuka Kata

Liku-liku Kehidupan

Jawatan Politik

Anugerah

Episod Satu : Segalanya Bermula Di Sini 25

Bab 1 : Lahirnya Seorang Pemikir Bangsa

Bab 2 : Alam Pendidikan Tinggi

Episod Dua : Dunia Akademik "Melakar Reformasi Sosial" 39

Bab 3 : Mewarnai Dunia Akademik

Episod Tiga : Ke Pentas Politik 53

Bab 4 : Sumbang Bakti Dalam Politik

Episod Empat : Di Persada Korporat 65

Bab 5 : Mengemudi FELDA Ke Puncak Jaya

Bab 6 : Bersama USIM Membina Kecemerlangan

Episod Lima : Sumbangan Sosial 87

Bab 7 : Cetusan Idea Dalam Pembangunan Negara

Episod Enam : Hubungan Antarabangsa 99

Bab 8 : Merentas Benua Membina Tautan

Episod Tujuh : Nostalgia Teristimewa 107

Bab 9 : Keluarga "Pinggir Ehsan"

Epilog 117

Sisipan 129

Sekalung Budi 139

Rujukan 141

Indeks 145

*Mengintai jauh si anak denak*
*Bermain sembunyi sambil berlari*
*Melakar jejak penuh onak*
*Membuah budi seharum kasturi*

*Harum sungguh si buah pelaga*
*Disusun indah oleh si dara*
*Sedari kecil tingkah dijaga*
*Membesar menjadi permata berharga*

*Buah berangan bersama lada*
*Sarat sama dengan kasturi*
*Penuh ilmu sarat di dada*
*Tetap menunduk merendah diri*

*(Ciptaan dan olahan: Hariza Mohd Yusof)*


Exchange of
ndum of
erstanding
witness
Th
Prim
f Malaysi
Dat
Najib
Tun

# Bakti Yang Murni Tetap Disanjung



Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak atas usaha menerbitkan buku Melakar Tejak terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini. Buku ini membolehkan pembaca meninjau pemikiran, prinsip dan kejayaan Tan Sri Mohd Yusof Noor.

Beliau adalah seorang yang sentiasa berpandangan jauh dan berwawasan serta mempunyai daya optimisme yang tinggi. Kejayaan dan latar belakangnya yang cemerlang dalam akademik telah berjaya melakarkan dirinya ke dimensi kerjaya yang agak pelbagai dimulai sebagai seorang guru, pensyarah, pentadbir universiti dan ahli politik.

Dalam arena politik, kelibatnya di Pantai Timur begitu terserlah sewaktu di era Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau dianggap sebaris dengan kehebatan kumpulan ulama UMNO.

Penglibatan beliau dalam institusi seperti FELDA, MARA dan USIM pula membuktikan bahawa ketokohannya bukan terhad kepada sebagai ahli politik semata-mata. Kemampuan beliau membantu saya mengemudi FELDA sebagai model pemangkin pembangunan rakyat desa di peringkat antarabangsa, membuktikan keupayaan sebenar beliau adalah melampaui peranan asalnya sebagai ahli akademik dan ahli politik.

Saya yakin buku Melakar Tejak ini boleh menjadi salah satu sumbangan kepada dunia ilmiah tanah air dan sekaligus diharapkan mampu memberikan impak tidak langsung kepada pembangunan modal insan yang pastinya akan membantu menjayakan idealisme dan kedinamikan bangsa Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

Salam hormat,

MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia



# Jasa Disanjung, Budi Dijunjung

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menulis sepatah dua kata di dalam buku Biografi Mohd Yusof Noor ini. Inisiatif penerbitan biografi oleh penerbit USIM ini wajar dijadikan contoh oleh penerbit institusi pengajian tinggi lain dalam memartabatkan dunia penerbitan ilmiah serta boleh menjadi panduan dan pengajaran kepada generasi muda untuk menghayati semangat perjuangan dan intelektualisme tokoh ini.

Tokoh ini telah membuktikan bahawa meskipun beliau berlatarbelakangkan pendidikan agama, namun pencapaian dalam bidang-bidang lain seperti ekonomi, muamalat, pendidikan dan kebajikan awam telah menjadi sebahagian daripada sumbangan besar beliau kepada Negara. Tokoh ini berpegang teguh kepada iltizam dan tekad untuk mencapai kejayaan. Tiada yang mustahil untuk dicapai jika kita mempunyai semangat juang yang tinggi demi menggapai bintang di langit. Sejarah silam tokoh ini yang telah digarapkan dengan berkesan di dalam penerbitan biografi ini wajar dijadikan contoh dan teladan kepada generasi muda masa kini.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Penerbit USIM kerana telah mengambil inisiatif yang proaktif bagi menerbitkan biografi ini. Negara memerlukan pengumpulan biografi seperti ini bagi merakam dan mengenang tokoh-tokoh negarawan agar setiap rentetan kehidupan serta kejayaan yang dilakar akan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat.

Bijak pandai ada mengatakan; Tidak luput budi yang baik. Ia tetap disanjung dan dijunjung sebagai karangan dan akan terus dikenang sepanjang zaman.

Salam hormat,

MOHAMED KHALED NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia


ilis
Januari 200

# Menjejak Rasa Nan Tinggi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merasakan cukup bertuah apabila YBhg Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sehingga hari ini. Semenjak awal penubuhan USIM, beliau turut membantu dalam menyumbangkan idea-idea bernas untuk sama-sama membangunkan Universiti ini ke mercu kejayaan. Pelantikan beliau sebagai Pengerusi LPU amat tepat. Dengan ilmu serta pengalaman yang beliau ada, USIM turut mendapat laba nan tinggi tempiasnya.

Ketokohan dan keilmuan beliau dalam bidang akademik sudah terbukti. Komitmen yang tinggi dalam pencarian ilmu meletakkan beliau sebagai tokoh yang sentiasa berusaha menjadi orang yang berilmu dan dalam masa yang sama tetap merendah diri dengan segala kelebihan yang ada. Dengan berbekalkan ilmu yang dituntut sehingga ke Mesir, beliau menabur bakti kepada masyarakat dalam bidang pembelajaran. Seterusnya pelantikan beliau, selangkah demi langkah dalam bidang akademik sebagai pensyarah dan juga pemimpin membuktikan beliau diberi kepercayaan oleh segenap lapisan masyarakat.

Tidak ramai yang mengetahui di sebalik tubuh kecil dan suara yang selalu merendah apabila berucap, beliau memiliki kualiti kepimpinan yang tidak ada pada orang lain. Corak kerjanya yang teliti, teratur dan cekap serta berdisiplin memungkinkan beliau mencapai kejayaan seperti pada hari ini. Beliau dilihat sebagai seorang insan yang prihatin kepada anak didiknya, boleh mendengar rintihan dan emosi, duduk sama rendah dengan orang lain untuk tunduk mendengar luahan serta masalah mereka. Bukan bermakna beliau mengalah, tetapi beliau memberikan ruang kepada sesiapa sahaja untuk bersuara dengan batas-batas tertentu. Keahliannya dalam bidang falsafah dan tasawuf menjadikan beliau tawaduk dalam apa saja etika.

Apabila beliau menjadi orang penting dalam Kerajaan, beliau tetap dengan identiti yang sama. Pangkat dan kuasa hanyalah sebagai alat untuk beliau berbakti kepada orang ramai dengan lebih meluas lagi. Bermula pada awal penubuhan USIM, beliau tidak lokek turun padang untuk bersama-sama dalam apa juga aktiviti bagi memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Akhir kata, saya mendoakan agar penerbitan buku ini turut menjadi panduan dan teladan kepada generasi demi generasi terutamanya seluruh warga USIM untuk sama-sama membuka minda terhadap aspek kehidupan dalam ruang lingkup yang lebih luas lagi dan tidak terhad kepada sesuatu pandangan sahaja. Sesungguhnya bumi Allah ini terlalu luas untuk diterokai. Cukup bagi kita menjadi umat yang bersyukur dan menjadikan beliau sebagai salah satu idola untuk dicontohi.

Sekian dan terima kasih.

Salam hormat,

ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia



# Seulas Pinang Pembuka Kata

Penerbitan buku ini merupakan usaha melakarkan apa jua pengalaman diperolehi oleh Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dalam bidang yang telah diceburinya. Dunia akademiknya bermula sebagai pelajar, kemudian mengajar, seterusnya memimpin – penuh dengan pahit manis, pentas politik yang pelbagai onak, gelanggang sosial bersama rakyat, arena korporat yang pelbagai rencam dan juga sokongan padu keluarga menjadikan lakaran jejak yang menarik untuk diselusuri.

Tentu sahaja penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama kumpulan yang lengkap dari kumpulan penerbitan Penerbit USIM. Buku ini bukan yang terbaik, tetapi kami mengharapkan buku ini menjadi salah satu cetusan kepada generasi muda dan masa depan untuk berani bergerak dalam apa juga bidang yang dipertanggungjawabkan. Walaupun mustahil untuk menceritakan segalanya dengan sempurna, tetapi rakaman dalam bentuk buku sebegini merupakan suatu bentuk rakaman sejarah yang akan diterokai, serta diteladani oleh generasi sekarang dan masa depan.Bagi kami, beliau merupakan tokoh negarawan yang banyak berjasa kepada negara. Sumbangan beliau bukan sekadar berada dalam lingkungan dan kepompong yang terhad, tetapi melangkaui segala bidang. Langkah beliau telah melata dalam bidang ekonomi dan muamalat, ilmu Islam, pendidikan, dan juga yang melibatkan kebajikan awam.

Selamat membaca.

Penulis,
Salleh Hj Yusof
Hariza Mohd Yusof




Membimbing cucu pertama
Aaliah Najla, 2001

## Liku-liku Kehidupan

| | | |
|---|---|---|
| 5 Februari 1941 | - | Hari kelahiran Mohd Yusof Noor di Kg. Palembang, Kg. Raja Besut |
| 1948 | - | Bersekolah Melayu Kg.Raja |
| 1952 | - | Meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu |
| 1958 | - | Memasuki Kolej Islam Malaya, Klang |
| 1963 | - | Guru di Ittifakiah, Jerteh |
| 1964 | - | Meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir |
| 1966 | - | Lulus MA al-Azhar (Dengan Kepujian) |
| 1968 | - | Lulus Diploma Pendidikan Pakar, Universiti 'Ain Shams, Cairo |
| 1968 | - | Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, Kuala Terengganu |
| 1969 | | |
| (Ogos - Mei 1970) | - | Guru di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, K.Terengganu |
| 1970 (Mei-Disember) | - | Nazir di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Terengganu |
| 1971 | - | Guru di Sekolah Menengah Tinggi Setapak Kuala Lumpur |
| 1971 | - | Tutor di Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM |
| 1971 (September) | - | Mendaftar masuk di Universiti Kaherah (Cairo) untuk kursus Ijazah Kedoktoran |

| | | |
|---|---|---|
| 1974 | - | Memperoleh Ijazah Kedoktoran dari Universiti Cairo |
| 1974 (13 Disember) | - | Menjadi pensyarah Jabatan Usuluddin dan Fakulti Pengajian Islam UKM |
| 1975 (Februari) | - | Dilantik sebagai Pengetua Kolej Kediaman UKM |
| 1975 (Mei) | - | Dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam |
| 1976 (16 Februari) | - | Dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UKM |
| 1981 | - | Menghadiri Kursus Pentadbiran Universiti Peringkat Tertinggi di Strathclyde Business School Scotland |
| 1984 (Julai) | - | Dilantik sebagai Senator |
| 1984 (Julai) | - | Dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri |
| 1986 | - | Menyertai pilihan raya umum untuk bertanding di kawasan Parlimen P31 SETIU, Terengganu |
| 1987 | - | Dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri |
| 1990 | - | Bertanding pilihan raya umum bagi Kawasan Parlimen P30 BESUT, Terengganu |
| 1990 | - | Dilantik menjadi Menteri Perusahaan Awam |
| 1995 | - | Bertanding di kawasan Negeri N2 Kampung Raja |
| 1995 | - | Dilantik menjadi EXCO Kerajaan Negeri Terengganu |
| 2000 | - | Dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM (sekarang USIM) |
| 2001 | - | Dilantik menjadi Pengerusi Kumpulan FELDA |
| 2002 | - | Pengerusi Majlis Penasihat Tabung Haji |
| 2005 | - | Pengerusi Lembaga Pendidikan Islam Malaysia – Lantikan Majlis Raja-Raja Melayu |
| 2007 | - | Ahli Lembaga Penasihat Pengajian, Fakulti Pengajian Islam UKM |

## Jawatan Politik

| | | |
|---|---|---|
| 1986 - 1990 | - | Ketua UMNO Bahagian Setiu |
| 1986 - 1990 | - | Ahli Parlimen Setiu |
| 1990 - 1995 | - | Ahli Parlimen Besut |
| 1992 - 2001 | - | Ketua UMNO Bahagian Besut |
| 1995 - 1999 | - | Ahli Dewan Undangan Negeri Kg. Raja Besut, Terengganu |
| 1995-2002 | - | Ketua Penerangan UMNO Malaysia |
| 1987 - 2005 | - | Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia |



## Anugerah

| | | |
|---|---|---|
| 1979 | - | Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) (Persekutuan) |
| 1980 | - | Pingat Pekerti Terpilih (PPT) (Negeri Sembilan) |
| 1981 | - | Darjah Johan Mangku Negara (JMN) (Persekutuan) |
| 1982 | - | Darjah Paduka Mahkota Terengganu (DPMT) |
| 1988 | - | Bintang al-Ulum Wal Funun oleh Presiden Husni Mubarak Mesir |
| 1992 | - | Seri Paduka Mahkota Terengganu (SPMT) |
| 1993 | - | Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor (DSSA) |
| 1993 | - | Panglima Setia Mahkota (PSM) (Persekutuan) |
| 2008 | - | Peringkat Pertama Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) (Pahang) |



Di Bosnia, 2003

# Sisipan

# Permata di Perlembangan Nil

## Petikan sebahagian dari sebuah artikel Mohd Yusof Noor

Sebelum ke Kaherah dalam tahun 1971 selalu saya dengar bahawa ada orang yang suka dan ada yang tidak suka mengunjungi kota itu. Yang menyukainya ialah kerana beberapa sebab seperti kesan sejarah purbanya, wanitanya yang menarik dan ulamanya yang terkenal. Sementara itu, Amerika dan Rusia pula sukakannya kerana kedudukannya yang strategik di antara benua-benua lain. Yang tidak menyukainya berfikir bahawa, kota itu tidak boleh mendatangkan ketenangan memandangkan kepada keadaan tebii negeri itu. Yang saya maksudkan ialah alam dan tabiat orang-orangnya.

Bagi orang-orang yang ingin mengenal dunia dan ingin berhubung dengan semua bangsa sudah tentu tidak timbul sikap suka atau tidak suka ini kerana sikap demikian terlalu relatif. Misalnya, sesuatu cara hidup atau suasana yang berbeza dengan apa yang selalu dialami sudah tentu tidak digemari. Begitulah halnya dengan Kaherah, sekalipun tidak menarik perhatian setengah orang, tetapi ternyata kota ini atau lebih tepat Negeri Mesir adalah antara kota yang paling berjaya menarik ramai pelancong dari seluruh dunia. Di musim panas istimewanya, Kaherah menjadi sebagai kaabah bagi orang-orang Arab yang ingin mencari keseronokan. Kebanyakannya datang dari negeri-negeri Arab yang berdekatan dan mereka menghabiskan wang untuk bersenang-senang seketika, sebelum bermula tahun pengajian yang baru. Barangkali tidak ada negeri Arab yang lain yang lebih sesuai untuk tujuan ini selain Mesir. Keadaan ini menyebabkan setengah pelajar-pelajar Malaysia di negeri itu menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tempat tinggal. Ada setengahnya terpaksa meninggalkan rumah yang mereka sewa kerana tidak berkuasa membayar sewa rumah yang dinaikkan dalam musim panas. Dan rumah ini kemudiannya akan diduduki oleh para pelancong yang bersedia membayar sewa tinggi itu.

Selalu saya dengar melalui kawan-kawan yang belajar di kota ini bahawa, Kaherah menjemukan. Ini menghairankan saya. Bagaimanakah seseorang boleh jadi jemu hidup di Kaherah sedangkan buku sejarah ada menyebut bahawa Mesir sebenarnya dipanggil sebagai negeri "SERBANEKA" penuh dengan berbagai-bagai ragam kehidupan? Terdapat makanan yang paling mahal dan yang paling murah, pakaian yang paling baik dan yang paling buruk, orang yang paling kaya dan yang paling miskin, wanita yang tercantik dan yang terburuk, yang paling alim dan yang jahil, yang terbaik dan yang terjahat dan lain-lain. Begitulah kata orang. Kerana itu, setiap cerdik pandai Islam terutamanya, apabila tiba di sini dapat mempelajari banyak perkara yang boleh menguatkan lagi peribadi dan fikirannya selagi ia bersifat dedikasi dan insaf. Juga ia dapat mempelajari bagaimana bangsa di daerah ini hidup dan mencontohi mana yang sesuai.

Mengenai ahli-ahli akademik Mesir, saya lihat mereka sangat tekun bekerja dalam ikhtisas masing-masing kerana kajian mereka sentiasa mendapat penghargaan dari penerbit dan percetakan. Kerajaan juga memberikan galakan dengan mengurniakan bintang-bintang kebesaran setiap tahun kepada mereka yang menghasilkan kajian yang cemerlang dalam bidang sains dan sastera. Tidak dapat dinafikan bahawa, kebolehan orang-orang Mesir dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan seperti sains, ekonomi dan sosial adalah jauh lebih tinggi dari yang terdapat di Negara kita. Walaupun peratus buta huruf di Mesir lebih tinggi, tetapi kebolehan cerdik pandai mengkagumkan.

Mesir kaya dengan hasil karya seninya baik di dalam bidang sastera mahupun drama. Itu dibuktikan dari siaran TVnya terutama dalam bulan puasa dan pertunjukan-pertunjukan pentas di panggung-panggung drama yang berselerak di kota itu. Aspek ini jarang benar diperhitungkan oleh orang-orang Malaysia yang hanya menghubungi sekelompok manusia Mesir yang tidak mewakili rakyat Mesir seluruhnya bila berkunjung ke Kaherah.

Menurut pengalaman saya, kehandalan cerdik pandai Mesir benar-benar terasa bila kita bergaul dengan mereka, istimewa yang berkhidmat di universiti-universiti Mesir. Golongan ini sering mendapat tawaran untuk berkhidmat di negara-negara jiran terutamanya di Kuwait, Ajeria dan Saudi Arabia. Tidak kurang pula ramai yang berkhidmat di Perancis, Amerika Syarikat dan England. Malangnya masih belum ada khidmat tokoh-tokoh demikian di Malaysia.

Semua cerdik pandai Mesir yang pernah saya hubungi di Kaherah memperkatakan tentang kajian yang tidak putus-putus mereka lakukan. Mereka menunjukkan buku-buku yang sudah dan sedang dikarang dalam bidang-bidang falsafah. Ini belum lagi dalam bidang-bidang lain. Kebanyakan mereka menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa asing, iaitu Inggeris dan Perancis. Namun demikian, seorang dari mereka memberitahu saya sekalipun ia telah mendapat ijazah PhDnya dalam Bahasa Inggeris di Universiti Edinburgh, England tetapi ia lebih sedap menggunakan Bahasa Perancis. Ia sekadar menunjukkan kegemaran cerdik pandai Mesir mempelajari bahasa asing yang hidup.

Dari segi penjenayahan, yang sangat menarik perhatian ialah tidak adanya rasa takut dirompak atau disamun di negeri itu sekalipun waktu berjalan sendirian di malam hari seorang diri. Kalaupun ada rompakan atau samun, kejadian itu terlalu kecil dibandingkan dengan yang dialami oleh masyarakat Malaysia dulu dan sekarang.

Kesimpulannya, Mesir dapat memberikan sumbangan besar kepada aliran pemikiran kita asalkan kita dapat memilih mana yang baik dan mana yang buruk. Apakah masyarakat kita terutamanya cerdik pandainya sudah bersedia untuk memusatkan perhatian mereka ke kota Kaherah? Bagi saya, Kaherah khususnya atau negeri Mesir umumnya mempunyai permata-permata yang indah bagi sesiapa yang pandai memilihnya.












Teras





95 4 15

*Konvokesyen ke-31*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*2003*





## Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

## Tan Sri Dato' Dr Mohd Yusof bin Mohd Noor

Tan Sri Dato' Dr Mohd Yusof Mohd Noor dilahirkan pada tanggal 5 Februari 1941 di Kampung Palembang, Kampung Raja, Besut, Terengganu dalam sebuah keluarga yang sederhana. Beliau telah menamatkan pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Kampung Raja, Besut, Terengganu ketika negara kita di ambang kemerdekaan. Pada tahun 1953 beliau telah menolak tawaran memasuki Malay College Kuala Kangsar demi menghormati kehendak ayahnya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Beliau mula meninggalkan kampung halaman sewaktu berumur 12 tahun dan tinggal di Asrama Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Kecemerlangan beliau dalam pelajaran semakin terserlah apabila mendapat tawaran untuk memasuki Kolej Islam Malaya Klang dengan mendapat Biasiswa Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada tahun 1957 - 1962 dan berjaya mendapat Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya pada tahun 1963.

Sementara menunggu peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, beliau telah bertugas sebagai Guru sementara pada tahun 1963. Pada tahun 1964 akhirnya cita-cita beliau untuk melanjutkan pengajian di peringkat tinggi telah tercapai apabila mendapat Biasiswa Kerajaan Pusat untuk melanjutkan pelajaran sehingga mendapat Ijazah M.A. dari Universiti al-Azhar, Mesir. Seterusnya beliau dikehendaki untuk mengambil Diploma dalam Pendidikan di Universiti Ein Syams Cairo dan berjaya memperolehi Diploma Khas Pendidikan (Bahagian Psikologi Kanak-kanak) pada tahun 1968. Sepanjang tempoh belajar, beliau sentiasa aktif dalam kegiatan persatuan-persatuan pelajar. Beliau pernah menjadi Setiausaha Agung Majlis Solidariti Pelajar Asia Tenggara di Kaherah hingga tahun 1968. Beliau pulang ke tanah air dan pada tahun 1968 dan telah bertugas sebagai Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, Kuala Terengganu. Pada tahun 1970 beliau telah dilantik sebagai Nazir Sekolah Menengah Agama Terengganu selama setahun dan seterusnya sebagai Guru di Sekolah Tinggi Setapak.

Beliau memulakan kerjayanya di UKM pada tahun 1971 sebagai Tutor di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. Minatnya yang mendalam untuk menimba ilmu ke peringkat yang tinggi telah membawa beliau ke Cairo University dalam tahun 1971 untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Pada tahun 1974, akhirnya beliau berjaya mendapat Ijazah PhD di dalam bidang Falsafah Islam. Beliau merupakan siswazah pertama peringkat PhD dari Fakulti Darul-ulum, Cairo University semenjak fakulti ini ditubuhkan kira-kira 100 tahun yang lalu.

Dalam bidang penulisan, selain daripada menghasilkan kertas-kertas kerja dalam Seminar, beliau banyak menulis berbagai artikel di dalam majalah tanah air seperti Majalah Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat dan lain-lain. Kajian PhD beliau yang bertajuk 'Metodologi Sufi dalam Ilmu Etika' telah memberi peluang untuk mengkaji pemikiran Orientalis dari Barat terutamanya dari kalangan bangsa-bangsa British dan Perancis yang telah banyak menterjemah khazanah Sufi bagi kajian mereka. Kaji-selidik beliau di negara-negara tersebut telah banyak membantunya menyiapkan kajian PhD dalam masa yang dijadualkan iaitu selama empat tahun. Di antara hasil-hasil karya beliau yang lain adalah Kajian Manuskrip-manuskrip Tasawuf di Kuala Terengganu (1975); Kajian Organisasi Pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi - Satu Kajian Khas Terhadap Organisasi Pelajar Islam (USA & UK) (1980-1981); Persoalan di Sekitar Tariqat dan Permasalahannya Masa Kini di Simposium Tasawuf dan Tariqat UKM (1982) dan Pengantar Ilmu Tasawuf, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohd Yusof Noor menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah pada Konvokesyen ke-31, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003


(Dewan Masyarakat Dec. 1973)

YAHUDI MAHU GENGGAM DUNIA

Yusof Noor, Kaherah

SUFISMA DI TENGAH GELOMBANG MATERIALISMA

Dr. YUSOF NOOR

Apakah kita masih perlu kepada tasawuf di zaman kemajuan sains dan teknologi seperti sekarang?

Permata Di Perlembahan Nil

MENCARI NILAI

DR. YUSOF NOOR

TASAWUF SEBAGAI KAEDAH PENYELESAIAN HIDUP

YUSOF NOOR

Ia timbul dari motif semula jadi manusia dengan dibantu oleh ajaran Islam yang terkandung di dalam Quran dan Hadis. Di sinilah terletaknya perbezaan antara Tasauf Islam dengan pengabdian atau pertapaan yang terdapat di kalangan bangsa-bangsa sebelum Islam khususnya seperti di Mesir, India, Cina, Parsi dan Greece.

Tasauf Satu Aliran

YUSOF NOOR (KAHERAH)

adapun cinta rasa itu
tiada diingatanku selain darimu
adapun cinta kepunyaanmu
tabirmu yang tersingkap menampakkan wajahmu

jadi bukanlah bagiku pujian itu
tetapi segalanya hanyalah untukmu.

Dan katanya lagi:
"Aku menyembah bukan kerana takut kan nerakamu, bukan kerana mengharap kan syurgamu tetapi kerana kemuliaan dan cintaku padamu."

UGAMA (Dewan Masyarakat Ogos 1974)

Tasauf Satu Aliran

YUSOF NOOR (KAHERAH)

AGAMA (Dewan Masyarakat Okt. 1975)

Kritik yang dilemparkan terhadap pemikiran Al-Ghazali hanya menggunakan bidang pengetahuan yang terbatas dan subjektif hingga ajarannya dianggap penuh dengan kelesuan.

AL-GHAZALI Yang Lebih Dekat

DR. YUSOF NOOR

Kumpulan Rencana Mohd Yusof Noor dalam Dewan Masyarakat (1974-1975)

## A new chapter beckons

Chairman Tan Sri Dr Mohd Yusuf Nor says the agency has improv... of 100,000 settlers since its establishment 49 years ago. **AZURA A**



FELDA will celebrate its Golden Jubile... man Tan Sri Dr Mohd Yusuf Nor wa... lighted some of Felda's success storie...

"It is not an exaggeration to say tha... many milestones. As an agency, it ma... but we have laid a solid foundation for all the ... 275 Felda settlements across the nation.

"These settlers' lives today have improved so m... when the communes were first opened.

"When landless Felda pioneers first moved to o... society shunned the idea and perceived the new la... ground.

"Many believed Felda land was haunted and fille... said with a laugh.

Today, not only have these settlers improved their ... settlements have modern infrastructure and house a... munity projects.

The days of poor and landless Felda settlers are no... history books, as about 80 per cent of them have bett... ing providing their children with education, he said.

"The remaining 20 per cent comprise those that su... long illnesses or permanent disabilities, thus preventin... improving their livelihood," he said.

On infrastructure development, he said Felda settleme... roads, schools and clinics.

"Discomfort is no longer an issue for families and indi... in Felda settlements. Whatever is available in towns and... be found at the settlements, and unfortunately this includ... issues," he said.

The soft-spoken Yusuf, however, described social ill issue... settlements as a minor setback, of which the agency aimed... cate by 2012.

Felda ensures that its 40 subsidiaries turn in high profits... ally. He said these companies had been instructed to implem... performance indicators to bring their work and business pra... par with established and internationally-acknowledged corpo... in the country.

